

Newspaper	Berita Harian
Date	03/08/2017

# 'Hentikan polemik keturunan Dr M'

BH-3/8/2017 pg. 8

**Kuala Lumpur:** Semua pihak perlu berhenti mempolemikkan isu keturunan Tun Dr Mahathir Mohamad seperti disentuh Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kerana hal sedemikian langsung tidak memberi manfaat buat rakyat.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Senator Khairul Azwan Harun, berkata Dr Mahathir juga perlu menerima realiti asal usul keturunannya seperti disebut Timbalan Perdana Menteri kerana ia adalah satu fakta yang benar.

"Apa yang Dr Mahathir harus malu sangat (dengan kenyataan Zahid). Kalau dilihat sebelum ini, isu keturunan ini juga sudah dibangkitkan oleh Mat Sabu (Mohamad Sabu) dan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim."

"Jadi apa yang mahu dimalukan. Kami (Pemuda) pun tidak pernah berasa terkejut dengan kenyataan

itu. Dr Mahathir juga kini dilihat seolah-olah mahu memecahbelahkan perpaduan rakyat," katanya pada sidang media, mengulas polemik berkenaan keturunan Dr Mahathir yang diapi-apikan pihak tertentu termasuk pembangkang sehingga dilihat mampu menggugat perpaduan rakyat.

## **Cuba rosakkan hubungan**

Mengulas lanjut, Khairul Azwan berkata, bekas Perdana Menteri itu juga sebelum ini pernah mencuba untuk merosakkan hubungan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Ahmad Zahid.

Dalam pada itu, Khairul Azwan berkata, Pemuda akan menghantar senarai calon dari kalangan pergerakan itu untuk diketengahkan kepada pucuk pimpinan parti bagi dinilai sebagai calon Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14.